



IKHTILAF (PERBEZAAN PENDAPAT) ULAMA DALAM MASALAH BABI ; HIKMAH DAN APLIKASINYA

Oleh:
Ustaz Mohd Nizam Abdul Kadir
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

MUQADDIMAH

Babi atau khinzir dalam istilah Quran dan bahasa Arab merupakan sejenis makhluk. Keharaman babi ini jelas dalam nas Quran :

سَمِعْتُ عَلِيَّ بْنَ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَرَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ

“Diharamkan ke atas kamu akan bangkai, darah dan daging babi...”. (Surah al-Maidah : 3).

Keharaman ini merujuk kepada amalan pemakanan iaitu hukum memakan daging babi. Dan tiada khilaf para ulama dalam masalah ini.

Selain daging babi, adakah harus dimakan kerana nas Quran hanya menyebut daging sahaja? Di sini, para ulama telah bersepakat bahawa seluruh anggota badan babi adalah haram dimakan. Namun disebut bahawa Imam Ibn Hazm berpendapat bahawa anggota badan selain daging adalah harus dimakan. Ini berdasarkan teori zahir nas yang menjadi asas kepada kefahaman beliau. Walau bagaimanapun, pandangan beliau ditolak oleh kesemua para ulama yang lain.

Walaupun bagaimanapun, masih lagi terdapat beberapa sudut pandangan dalam masalah berkaitan babi.

IKHTILAF ULAMA DALAM MASALAH BABI

Antara ikhtilaf para ulama dalam masalah babi boleh ditinjau daripada aspek kenajisan, penyucian jika tersentuh dan keharaman anggota badan selain daging.

Kenajisan babi

Terdapat perbezaan pandangan samada babi najis atau suci. Dalam mazhab Syafii, babi seluruhnya adalah najis. Dalam kitab mazhab Syafii, dinyatakan maksudnya :

“Dan kulit bangkai akan suci dengan kaedah *dibagh* melainkan kulit anjing dan babi...”.

Apakah sebabnya kulit babi tidak akan menjadi suci? Ini kerana :



“Dan adapun kulit anjing dan babi dan keturunan salah satunya maka ia tidak suci dengan kaedah *dibagh* di sisi kami tanpa khilaf kerana kedua-duanya adalah najis pada masa hidup...”.¹

Manakala dalam pandangan Imam Malik, babi adalah suci ketika hidupnya. Pandangan bahawa babi suci disokong oleh ulama zaman moden seperti Dr. Yusuf al-Qaradhawi. Beliau menyatakan bahawa daging babi adalah najis kerana melihat dhomirnya dalam firman Allah :

لَا يَحِلُّ لَكُمْ دَيْسِرَ الْبَيْتِ الرَّسِيِّ

“atau daging babi maka sesungguhnya ia adalah *rijs*”. (Surah al-Ana’am : 145).

Dhomir tersebut – pada pendapat beliau – merujuk kepada daging babi, bukannya babi. Oleh itu, babi adalah suci.²

Lebih jauh daripada itu, Imam as-Syaukani berpendapat bahawa daging babi adalah suci. Lafaz *rijs* itu bukanlah menerangkan kenajisan daging babi tetapi menjelaskan keharamannya sahaja. Dan tiada kaitan antara keharaman dan kenajisan. Maka ada benda yang haram sedangkan ia suci. Ini sebagaimana keharaman para ibu kepada seorang anak lelaki dalam surah an-Nisa ayat 23.³

Tahap kenajisan

Babi dikira sebagai najis mengikut pandangan sebahagian para ulama. Ini kerana babi disebut sebagai *rijs* dalam nas Quran. Firman Allah :

“Katalah wahai Muhammad bahawa aku tidak mendapati pada apa yang diwahyukan kepadaku akan keharaman bagi pemakan untuk menjamahnya melainkan ia bangkai, darah yang mengalir dan daging babi maka sesungguhnya ia adalah *rijs*”. (Surah al-Ana’am : 145).

Walau bagaimanapun, apakah tahap kenajisan babi? Adakah ia termasuk dalam najis mughallazoh (berat) atau najis mutawassitoh (sederhana)?

Dalam mazhab Syafii, babi dikira sebagai najis mughallazoh. Perkara ini dihuraikan dalam kitab-kitab fiqah mazhab Syafii. Kebiasaannya ia dibicarakan dalam helaian awal kitab ketika membicarakan persoalan najis. Antaranya ialah apa yang disebut dalam teks klasik fiqah iaitu *matan al-Minhaj* bermaksud :

¹ Kifayah al-Akhyar, as-Syeikh Taqiyuddin Abi Bakar al-Husaini, Dar al-Fikr, Beirut, 1994 M, hal. 12.

² Fiqh al-Toharoh, Dr. Yusuf al-Qaradhawi, Maktabah Wahbah, Kaherah, 2006 M, hal. 23.

³ Pengertian lafaz *rijs* boleh dirujuk dalam beberapa tempat dalam Quran. Antaranya dalam surah al-Maidah ayat 90 dengan makna dosa, surah al-Ana’am ayat 145 dengan makna kotor, surah al-A’kraf ayat 71 dengan makna azab, dan surah at-Taubah ayat 95 dengan makna najis.



“Dan apa yang bernajis dengan sebab sentuhan dengan sesuatu daripada anjing, dibasuh tujuh kali iaitu salah satunya dengan tanah. Dan yang lebih zahir, tertentulah oleh tanah. Dan sesungguhnya babi seperti anjing”.⁴

Hukum bahawa kenajisan babi adalah dalam tahap najis mughallazoh turut disebut dalam kitab fiqh moden bagi mazhab Syafii. Antaranya dalam kitab fiqh *al-Fiqh al-Manhaji*.⁵

Hujah bagi mazhab Syafii ialah kiasan terhadap kenajisan anjing. Dalam riwayat hadis, bekas atau benda yang dijilat anjing hendaklah dibasuh dengan tujuh kali basuhan. Salah satunya dengan tanah.⁶ Jilatan anjing perlu dicuci dengan kaedah tadi yang diistilahkan sebagai samak atau sertu. Oleh itu, anjing dikira sebagai najis mughallazoh. Oleh kerana babi diqiyaskan kepada anjing bahkan disebut dalam kitab-kitab bahawa babi lebih teruk keadaannya daripada anjing, maka kenajisan babi juga dikira sebagai najis mughallazoh sebagaimana anjing.

Dalam kefahaman mazhab yang lain, babi dikira sebagai najis mutawassitoh. Ini berdasarkan tiada satu nas yang menyatakan bahawa babi dikira sebagai najis mughallazoh. Oleh itu, kebiasaannya ia dikira sebagai najis mutawassitoh.

Walau bagaimanapun, pembahagian najis kepada tiga tahap tidaklah mempunyai nas syarak yang jelas dan soreh menyebutnya. Ia adalah kefahaman ijtihad para ulama hasil daripada penelitian terhadap kaedah penyucian yang berbeza yang disebut dalam hadis.

Cara penyucian

Terdapat cara penyucian yang berbeza terhadap benda yang bersentuhan dengan babi kerana teori hukum yang berbeza dalam menentukan tahap kenajisan babi.

Dalam mazhab Syafii, cara penyuciannya ialah dengan disamak iaitu dibasuh tujuh kali dan salah satunya dengan tanah. Cara ini berdasarkan sabda Nabi s.a.w. yang bersabda :

“Apabila anjing menjilat pada bekas seseorang kamu, maka basuhlah ia dengan tujuh basuhan. Salah satunya dengan tanah”.⁷

Oleh kerana babi diqiyaskan kepada anjing, maka cara penyuciannya juga mengikut cara penyucian jilatan anjing.

Manakala dalam mazhab yang lain, cara penyuciannya hanya dengan membasuh biasa sahaja. Ia sekadar dicuci sehingga menghilangkan warna, bau dan rasa. Kaedahnya

⁴ Mughni al-Muhtaj syarah bagi matan Minhaj, juzuk 1, hal. 118 -119, Dar al-Fikr, Beirut, 2003 M.

⁵ Al-Fiqh al-Manhaji, Dr. Mustafa Khin dan lain-lain, hal. 40 41, Dar al-U'lum al-Insaniyyah, Damsyiq, 1989 M.

⁶ Riwayat Muslim, bab hukum jilatan anjing (*bab hukm wulugh al-kalb*), no hadis 279.

⁷ Riwayat Muslim, no hadis 279.



sama dengan najis mutawassitoh yang lain. Imam Malik berpendapat bahawa babi adalah suci hal keadaan ia hidup, manakala Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa ia dibasuh sebagaimana najis yang lain.⁸

Imam Nawawi, seorang tokoh ulama dalam mazhab Syafii berpendapat bahawa babi tidak sama dengan anjing. Oleh itu, cara basuhan bagi benda yang bersentuhan dengan babi hanya perlu dibasuh biasa sahaja sebagaimana dibasuh sesuatu yang tersentuh dengan najis mutawassitah. Imam Nawawi berkata :

وليس لنا دليل واضح على نجاسته في حال حياته

“Dan tiadalah bagi kami dalil yang jelas di atas kenajisannya (babi) pada ketika hidupnya”.⁹

Dalam syarah Sahih Muslim, Imam Nawawi berkata :

ولما اختلفت حكمه من ذلك في هذا كله . هذا منبعا ، وذهب أكثر العلماء إلى أن الخنزير لا يضر إلى
عليه سبعا وهو قول الشافعي وهو قوي في الدليل

“Dan adapun babi, maka hukumnya adalah hukum anjing pada semua ini. Inilah mazhab kami, dan kebanyakan ulama berpendapat bahawa babi tidak memerlukan kepada basuhannya tujuh kali dan ia pendapat Imam Syafii, dan ia adalah kuat dalam sudut dalil”.¹⁰

Penggunaan anggota badan babi selain daging bagi tujuan makanan

Keharaman babi sebagai makanan adalah pasti. Keharaman ini ternyata dalam al-Quran pada surah al-Ana’am ayat 145.

Namun yang menarik, pada beberapa nas Quran yang mengharamkan babi, ia hanya disebut pada satu bahagian sahaja iaitu daging. Apakah anggota badan selain daging harus dimakan?

Dalam masalah ini, para ulama nampaknya sepakat bahawa apa jua yang berkaitan babi tidak harus digunakan sebagai makanan. Walaupun hanya disebut daging babi, namun anggota badan yang lain juga seperti tulang, ekor dan sebagainya juga haram dibuat makanan. Ini kerana daging adalah asas utama sebagai makanan. Jika komponen utama diharamkan makan, maka yang lain juga haram dimakan. Ini berdasarkan prinsip qiyas.

Selain itu, nas Quran juga mengharamkan bangkai seluruhnya. Bangkai ialah haiwan yang mati tanpa disembelih mengikut hukum syarak. Haiwan babi juga termasuk dalam makna bangkai. Maka jika bangkai diharamkan seluruhnya meliputi daging, tulang, ekor dan sebagainya maka begitu jugalah dengan babi.

⁸Rahmat al-Ummah Fi Ikhtilaf al-Aimma, Syeikh Muhammad ibn Abdil Rahman as-Syafii, hal. 7, Mustafa al-Halabi, Kaherah, 1986 M.

⁹ op.cit.,

¹⁰ Syarah Sahih Muslim bagi Imam Nawawi, bab jilatan anjing, jilid 1, hal 521.



Selain itu, nas Quran juga menyatakan bahasa babi adalah rijs. Ini ternyata dalam firman Allah :

فَلَا أُحَدِّثُكَ أَنَّ عَلَىٰ طَعْمِ بِلْعَمِهِ إِلَّا أَنْ يَكُونَ بِلْعَمِهِ مَا كَرِهَ اللَّهُ لِيُنزِلَ فِيهِ مِنْ سَائِرِ رِجْسٍ

“Katalah wahai Muhammad bahawa aku tidak mendapati pada apa yang diwahyukan kepadaku akan keharaman bagi pemakan untuk menjamahnya melainkan ia bangkai, darah yang mengalir dan daging babi maka sesungguhnya ia adalah rijs”. (Surah al-Ana’am : 145).

Dhomir ia adalah merujuk kepada benda yang paling hampir. Maka benda yang paling hampir ialah babi, bukannya daging.

Walau bagaimanapun, ada sesetengah pandangan ahli zahir bahawa yang diharamkan hanya daging manakala lemak babi adalah harus. Namun tokoh mazhab Zahir, Imam Ibn Hazm berpendapat bahawa seluruh anggota babi haram dimakan.¹¹

Penggunaan anggota badan babi selain daging

Majoriti ulama berpendapat bahawa haram digunakan anggota badan babi selain daging untuk apa-apa tujuan. Walaupun ia dikira najis mutawassitoh, namun ia tidak boleh digunakan untuk apa-apa tujuan.

Dalam masalah kulit babi, Imam Nawawi berkata :

“Dan adapun anjing, babi dan keturunan salah satunya maka tidak suci kulitnya dengan samak tanpa khilaf”.¹²

Ini juga pandangan Imam Malik dan seumpamanya. Imam Nawawi berkata :

“Mazhab kami bahawa sesungguhnya tidak suci – dengan sembelihan akan haiwan yang tidak harus dimakan – oleh bulunya, kulitnya dan sesuatu pun daripadanya. Dan dengan demikian, Imam Malik dan Imam Ahmad telah berkata demikian”.¹³

Namun bagi Daud az-Zahiri, as-Syaukani dan segelintir ulama aliran mazhab Maliki, adalah harus menggunakannya jika ia sudah disamak (proses dibagh). Ini berdasarkan umum hadis :

“Mana-mana kulit yang sudah didibagh, maka sucilah ia”.¹⁴

Begitu juga nampaknya pandangan Imam Abu Hanifah sebagaimana dalam kitab *al-Majmuk*.¹⁵

¹¹ Ahkam al-Ati'mah wa az-Zabaih, Dr. Abu Sari' Muhammad Abdul Hadi, Dar al-I'ktisom, Mesir, t.t. hal. 292 -293.

¹² Al-Majmuk', juzuk 1, hal 268, Maktabah al-Irsyad, Arab Saudi, t.t..

¹³ op.cit., juzuk 1, hal. 301.

¹⁴ Riwayat Muslim.

¹⁵ ibid, juzuk 1, hal. 301.



Dalam masalah kulit haiwan, Imam Nawawi menyebut tujuh mazhab¹⁶. Antaranya ialah :

1. Tidak suci sesuatu pun daripada kulit dengan samak dan sebagainya.
2. Suci setiap kulit kecuali kulit anjing dan babi. Inilah mazhab Syafii.
3. Cusi semuanya, anjing dan babi kecuali yang suci itu hanya pada zahirnya bukannya dalamnya. Maka harus digunakan pada benda yang kering dan tidak harus pada yang basah, dan harus untu bersolat di atasnya dan tidak harus di dalamnya.
4. Suci semuanya zahir dan batin termasuk anjing dan babi. Inilah mazhab Daud Zahiri dan ali zahir.

HIKMAH

Perbezaan pandangan para ulama satu perkara yang baik kerana ia menggambarkan Islam sebagai satu agama yang sesuai dengan semua masa dan tempat. Namun ia mestilah diiringi dengan sikap lapang dada, toleransi dan tasamuh. Jika tidak, perbezaan ini menjadikan medan perbalahan antara umat.

APLIKASI

1. Dalam masalah sosej babi, ada fatwa mengarahkan agar mana-mana individu muslim yang memakan sosej babi agar menyamak mulutnya. Ia dilakukan dengan berkumur dengan segelas air campuran tanah dan enam gelas air bersih.

Fatwa sebegini agak lucu dan menggambarkan susahny hidup sebagai muslim. Begitu juga fatwa agar seluruh meja, kerusi dan kawasan restoren yang pernah menyajikan sosej babi agar disamak. Ia sesuatu yang melucukan.

Sewajarnya ia dilihat bukan sekadar nas tetapi realiti. Apa faedahnya disamak meja dan seluruh restoren. Kalau diminta agar disamak pinggan, sudu, bekas memasak dan seumpamanya, ia sesuatu yang ada kewajaran.

Tahap kenajisan yang berbeza antara mughallazoh dan mutawassitoh memberi satu ruang untuk memilih pandangan yang mudah dan sesuai. Oleh kerana itu, jika pernah makan sosej babi hatta daging babi sekalipun, tidaklah perlu difatwakan agar mulut disamak. Ia satu pandangan yang tidak meraikan suasana dan menggambarkan sempitnya hukum Islam.

2. Pandangan Imam Malik yang menyatakan bahawa babi adalah suci merupakan satu kesenangan bagi mereka yang terlibat dalam perkara berkaitan babi. Contohnya para pelajar veterinar dan juga doktor haiwan yang terpaksa menyentuh babi. Jika tidak diambil kira pandangan mazhab Maliki, ia

¹⁶ op.cit., hal. 270.



memberikan satu keadaan yang mungkin sedikit sukar bagi golongan ini yang mungkin terpaksa bergelumang dengan babi dalam tempoh yang lama.

Walau bagaimanapun, tahap kebersihan hendaklah menjadi keutamaan. Jika difaktakan bahawa boleh terdapat penularan kuman akibat menyentuh babi, maka basuhan yang sewajarnya termasuk samak wajar diamalkan.

3. Begitu juga hanya memegang dan menyentuh benda yang dibuat daripada kulit babi. Contohnya beg, kasut dan sebagainya. Ketika menyentuhnya, seseorang muslim tidak mengetahui bahawa ia dibuat daripada kulit babi. Memang ada fatwa meminta agar disamak tangan yang memegang tetapi hukum fiqah Islam memberi keluasan.
4. Dalam aplikasi perubatan, babi dikatakan mempunyai DNA yang hampir serupa dengan manusia. Keserupaan ini menjadikan babi sebagai alternatif utama dalam bidang perubatan.

Dalam masalah perubatan, jika ada alternatif maka tidak wajar untuk digunakan bahan berasas babi. Namun jika tiada alternatif maka ia berubah menjadi harus kerana keperluan perubatan yang mungkin berada dalam tahap dharurat atau hajat.

Selain itu, ubat berasaskan babi juga biasanya melalui satu proses perubahan yang sudah tidak menjadikannya asli sebagaimana babi. Proses ini disebut sebagai proses *istihalah*. Ini diperkukuhkan lagi dengan pendapat bahawa babi adalah suci.

Walau bagaimanapun, perlu juga dikaji adakah terdapat kesan bahaya atau mudharat akibat penggunaannya. Jika wujud mudharat yang lebih besar daripada manfaat, maka penggunaannya wajar diketepikan berdasarkan konsep 'menolak kemudharatan diutamakan berbanding mencari kebaikan maslahat'.

5. Bagi barangan yang dibuat daripada kulit babi seperti kasut daripada kulit babi dan sebagainya maka ia tidak harus dalam mazhab Syafii kerana kulit babi tidak suci walaupun disamak. Namun ada pandangan ulama yang berpegang kepada zahir hadis yang menyebut bahawa mana-mana kulit yang disamak akan suci. Ini membawa kepada kesucian barangan daripada kulit babi.

Walau bagaimanapun, tidaklah wajar untuk sewenang-wenangnya menggunakan barangan daripada kulit babi. Cuma jika tersentuh barangan daripada kulit babi, basuhlah macam biasa tanpa perlu disamak tangan yang menyentuhnya.

Pendapat bahawa babi suci tidak mengharuskan umat Islam terlibat dengan industri berasaskan babi.



6. Industri makanan tidaklah wajar mengambil sedikit khilaf atau perbezaan pandangan ahli mazhab zahir untuk mengeluarkan makanan berasaskan bahan-bahan selain daging babi seperti kulit dan lemak. Ia adalah khilaf yang tidak muktabar. Dan hakikatnya terlalu banyak makanan yang pasti halal lagi baik (*toyyib*).

KESIMPULAN

Perbezaan pandangan para ulama tidaklah harus dijadikan sebagai sebab untuk berkelahi. Ia satu rahmat bagi umat jika umat Islam tahu adab ilmu dan bagaimana berinteraksi dengan perbezaan para ulama.

Kertas kerja ini tidaklah lengkap dalam membincangkan khilaf para ulama dalam persoalan babi tetapi menjadi harapan agar ia sebagai satu pemangkin agar hukum syariah Islam dilihat dalam kepelbagaian pandangan para ulama agar dapat menjadikan Islam sebagaimana sabda Nabi s.a.w. bahawa ad-din adalah mudah.